

INFODEMİK COVID-19 DI MALAYSIA: SATU RENUNGAN KE ARAH PENAMBAHBAIKAN KERANGKA KAWAL SELIA MAKLUMAT SALAH DAN BERITA PALSU

*(COVID-19 Infodemic in Malaysia: A Reflection towards
Improving the Regulatory Framework on Misinformation and
Fake News)*

Hafidz Hakimi Haron

hafidz.hakimi.haron@uum.edu.my

Pusat Pengajian Undang-Undang, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia,
06010, Sintok, Kedah, Malaysia.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Hafidz Hakimi Haron. (2023). Infodemik COVID-19 di Malaysia: Satu renungan ke arah penambahbaikan kerangka kawal selia maklumat salah dan berita palsu. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(2), 289–308. [https://doi.org/10.37052/kanun.35\(2\)no5](https://doi.org/10.37052/kanun.35(2)no5)

Peroleh: <i>Received:</i>	12/12/2022	Semakan: <i>Revised</i>	24/2/2023	Terima: <i>Accepted:</i>	19/4/2023	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	1/7/2023
------------------------------	------------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	---	----------

Abstrak

Kesan penularan COVID-19 memperlihatkan peningkatan penyebaran berita palsu dan maklumat salah yang berleluasa. Ramai pakar bersependapat bahawa fenomena ini disebabkan oleh limpahan maklumat ataupun dipanggil sebagai infodemik. Fenomena infodemik ini telah serba sedikit memberi kesan negatif terhadap usaha pihak berwajib di seluruh dunia untuk menangani ancaman pandemik. Dalam pada itu, walaupun wujudnya ekosistem penyemakan fakta di Malaysia, namun perkara ini dilihat gagal untuk menangani masalah infodemik dengan berkesan. Penguatkuasaan undang-undang sedia ada juga dilihat sebagai instrumen yang tidak demokratik dan drakonian oleh pengkritik. Hal yang lebih membimbangkan, instrumen perundangan tradisional dilihat semakin lapuk ditelan zaman dan semakin jauh ditinggalkan dengan kelajuan perkembangan teknologi. Oleh yang demikian, satu pendekatan baharu yang lebih segar diperlukan bagi mengawal infodemik. Sehubungan dengan itu, objektif utama makalah ini adalah untuk

menilai semula keberkesanan ekosistem penyemakan fakta dan undang-undang berkaitan dengan pengawalan infodemic sedia ada. Makalah ini juga mengusulkan kaedah baharu termasuklah menggunakan teknologi bagi tujuan mengawal selia infodemic pada masa hadapan. Makalah ini turut melihat pendekatan beberapa negara luar dalam usaha menangani cabaran infodemic. Oleh itu, bagi memenuhi objektif yang dinyatakan diatas, makalah ini akan menggunakan kaedah kajian kualitatif untuk memformulasi dapatannya, terutamanya melalui kaedah analisis tekstual terhadap perundangan yang berkaitan dan juga terhadap sumber sekunder, seperti manuskrip akademik, buku teks, sumber dalam talian dan juga sumber lain yang bersesuaian.

Kata kunci: Infodemic, Malaysia 5.0, COVID-19, maklumat salah, berita palsu, kebebasan bersuara

Abstract

The recent COVID-19 pandemic saw the rise of fake news and misinformation dissemination. Experts agree that this phenomenon is caused by the availability of an overabundance of information, also known as infodemic. This infodemic phenomenon has negatively affected the efforts of the authorities across the world to deal with the threat of the pandemic. In the meantime, while there is a fact-checking eco-system in Malaysia, it seems to fail to solve problems related to the infodemic effectively. The enforcement of existing laws has also been viewed as undemocratic and draconian instruments by its critics. What is more worrying is that the traditional legislation approach has been increasingly considered archaic and increasingly out of pace in catching up with the rapid development of technology. Therefore, a new approach is needed to regulate infodemic. Thus, the main objective of this paper is to re-examine the effectiveness of the fact-checking eco-system and legislation related to the existing infodemic regulation. This paper will also recommend new methods, including using technology, to regulate the infodemic in the future. This paper will also examine other countries' approaches in facing infodemic challenges. Therefore, to achieve the research objective stated above, this paper uses qualitative research methodology to formulate its findings, primarily through the textual analysis of several related legislations and also of available secondary sources, such as academic manuscripts, textbooks, online resources and other relevant sources.

Keywords: Infodemic, Malaysia 5.0, COVID-19, misinformation, fake news, freedom of speech

PENGENALAN

Pada 15 Februari 2020, di Persidangan Keselamatan Munich, Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Tedros Adhanom Ghebreyesus mengisytiharkan bahawa dunia bukan sahaja sedang menghadapi sebuah epidemik, malahan juga infodemik (Hafidz Hakimi & Mahyuddin, 2021). Kenyataan ini turut disokong oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres bahawa infodemik juga merupakan musuh sejagat selain COVID-19.

Bagi tempoh Mac 2020 sehingga September 2021, sebanyak 307 kertas siasatan berkaitan dengan berita palsu COVID-19 telah dibuka, 163 daripadanya telah diselesaikan. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, 114 kes masih dalam siasatan dan 37 kes lagi telah dituduh di mahkamah (Lukman Arif, 2021). Data yang disebutkan di atas menunjukkan penularan berita palsu berkaitan dengan vaksin dan COVID-19.

Walaupun kemajuan teknologi telah memberikan pelbagai manfaat kepada masyarakat, namun teknologi turut memberikan kesan buruk pada kelompok yang sama. Dalam konteks semasa, perkembangan antara teknologi maklumat dengan data besar telah membawa kepada terbentuknya masyarakat yang terganggu (Bentzen et al., 2020). Oleh yang demikian, masyarakat yang pada asalnya “tidak berhubung” yang kemudiannya “berhubung” telah menjadi “terlampau terhubung” oleh sebab kemajuan yang dibawa oleh teknologi. Hal ini kemudiannya membawa kepada suatu fenomena yang disebut sebagai “infodemik”. Lambakan maklumat yang melampau, maklumat yang berfaedah dan maklumat yang memudaratkan menjadi sangat sukar untuk dipisahkan dan dibezakan oleh masyarakat. Dalam hal ini, Ahmed menegaskan bahawa kewujudan infrastruktur informasi moden membolehkan masyarakat mengakses maklumat dengan mudah dan turut menyumbang kepada lambakan maklumat, sekali gus menyukarkan pemprosesan maklumat boleh dilakukan dengan baik pada peringkat individu (Ahmed, 2020). Hal ini seterusnya mengganggu pertimbangan untuk membuat keputusan dan membuka ruang untuk kesalahfahaman terhadap maklumat tersebut (Hafidz Hakimi & Mahyuddin, 2021). Keadaan ini diburukkan lagi dengan hakikat bahawa pada hari ini maklumat bergerak jauh lebih pantas daripada virus, sekali gus menyukarkan pihak berkuasa untuk mengesan dan mengekang penyebaran maklumat palsu dan mengurus infodemik. Dalam konteks pandemik COVID-19, hal ini sudah tentu akan mengekang gerak balas tindakan kesihatan awam, dan juga akan menimbulkan kecurigaan dan juga kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

EKOSISTEM PENYEMAKAN FAKTA DI MALAYSIA

Menurut Harris dan Farlina, penyebaran maklumat palsu dan maklumat salah yang berkaitan dengan pandemik COVID-19 mutakhir ini adalah berpunca daripada fenomena infodemik (Harris & Farlina, 2020). Kebangkitan teknologi media sosial secara tidak langsung telah mendemokratikkan penyebaran, penciptaan kandungan sekali gus telah menghapuskan sempadan terhadap maklumat yang wujud sebelum era internet (Harris & Farlina, 2020). Berbeza dengan wabak terdahulu seperti Zika dan Ebola, pandemik COVID-19 adalah bersifat global dan tidak terikat pada sempadan geografi (Harris & Farlina, 2020). Pada masa yang sama, pandemik COVID-19 merupakan wabak pertama yang bersifat global dalam era media sosial. Oleh yang demikian, seperti mudahnya maklumat disebarikan melalui media sosial, begitu juga mudahnya maklumat tersebut memudaratkan masyarakat dengan maklumat palsu dan maklumat yang salah. Dalam hal ini, adalah wajar buat penerima maklumat untuk menyemak kesahihan maklumat yang diterima bagi mengelakkan diri menjadi mangsa penipuan.

Di Malaysia, pelbagai mekanisme telah dibentuk oleh kerajaan bagi mengekang penyebaran maklumat salah dan maklumat palsu. Selain mekanisme perundangan, kerajaan juga telah menggunakan saluran rasmi agensi kerajaan di media sosial bagi tujuan penjelasan dan pengesahan terhadap sesuatu maklumat yang tidak dapat dipastikan kesahihannya. Selain itu, kerajaan juga menggunakan pendekatan yang lebih mesra pengguna, iaitu melalui sebuah portal khusus yang dinamakan sebenarnya. my. Portal ini berperanan sebagai pusat sehati bagi rakyat Malaysia untuk menyemak maklumat yang masih belum ditentukan kesahihannya. Mekanisme operasi portal ini adalah dengan cara mengumpul, menganalisis, memastikan, dan menerbitkan maklumat yang sahih di lamannya bagi tatapan umum (Mahyuddin & Sonny, 2020). Untuk memastikan kesahihan maklumat tersebut, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) turut bekerjasama rapat dengan agensi berkaitan bagi memastikan maklumat tersebut berwibawa (Mahyuddin & Sonny, 2020).

Satu kajian telah dijalankan oleh Institut Kajian Strategik (ISIS) Malaysia yang diterajui oleh Harris dan Farlina. Dalam kajian ini Harris dan Farlina telah menganalisis kandungan yang berkaitan dengan semakan fakta mengenai COVID-19 di laman Sebenarnya.my untuk tempoh Januari 2020 hingga Jun 2020. Hasil pemerhatian ini mendapati bahawa terdapat 377 entri di bawah tab “COVID-19” dalam lamannya. Daripada 377 entri,

kira-kira 79% (296 entri) daripadanya diklasifikasikan sebagai palsu, 17% (65 entri) memerlukan pengesahan selanjutnya, manakala 4% (16 entri) diklasifikasikan sebagai “waspada” (Harris & Farlina, 2020). Kajian tersebut turut menyatakan bahawa aplikasi Whatsapp merupakan medium utama bagi tujuan penyebaran berita palsu berkaitan COVID-19, iaitu sebanyak 143 entri, diikuti aplikasi Facebook sebanyak 126 entri. Kajian ini juga mendedahkan bahawa majoriti maklumat palsu disebarkan melalui format teks (168 entri), diikuti dengan format teks bergambar (63 entri) (Harris & Farlina, 2020). Dalam kajian ini, Harris dan Farlina menyimpulkan bahawa motivasi utama penciptaan dan penyebaran maklumat palsu adalah untuk “mengail tunda atau memprovokasi tanpa mempunyai apa-apa motif politik yang jelas, atau apa-apa kepercayaan yang munasabah” yang boleh didapati dalam 267 entri (91%). Seterusnya, 17 daripada 377 entri bermotifkan keuntungan, menjadikannya sebagai motivasi kedua tertinggi dalam dapatan kajian ini (Harris & Farlina, 2020). Oleh itu, penulis menyimpulkan bahawa majoriti besar penciptaan dan penyebaran maklumat palsu adalah bersifat hiburan dan bermotifkan untuk mengejar populariti.

Dengan menggunakan metodologi kajian yang sama, penulis melakukan pemerhatian terhadap tab “COVID-19” di portal Sebenarnya.my, namun untuk tempoh yang berbeza, iaitu daripada Disember 2020 hingga Mei 2021. Berdasarkan pemerhatian penulis, terdapat hanya 60 entri yang disenaraikan di bawah tab “COVID-19” dalam tempoh Disember 2020 hingga Mei 2021. Daripada 66 entri tersebut, 39 diklasifikasikan sebagai palsu, 16 entri memerlukan pengesahan selanjutnya dan 7 entri diklasifikasikan sebagai “waspada”. Pemerhatian ini menunjukkan bahawa penurunan yang besar telah berlaku dalam tempoh yang sama, iaitu daripada 296 (2020), kepada hanya 60 (2021). Penulis menyifatkan bahawa trend penurunan ini mungkin berkaitan dengan keberkesanan kempen kerajaan dalam usaha memerangi penyebaran berita palsu, serta penguatkuasaan Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) (No 2) yang dikuatkuasakan bermula Mac 2021.

UNDANG-UNDANG MENGAWAL INFODEMIA KETIKA PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA (2020-2022)

Walaupun terdapat pelbagai undang-undang yang boleh digunakan untuk tujuan mengawal infodemia, terutamanya yang berkaitan dengan penciptaan dan penyebaran berita palsu, penulis mengenal pasti bahawa undang-undang yang dinyatakan di bawah telah digunakan secara meluas

untuk mengawal infodemic berkaitan dengan COVID-19 pada tahun 2020 hingga 2021. Berdasarkan pemerhatian penulis, salah satu mekanisme perundangan utama yang digunakan untuk mengekang penyebaran maklumat salah ataupun palsu ketika pandemik COVID-19 di Malaysia ialah Seksyen 211 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM). Menurut Mahyuddin, Seksyen 233 berperanan untuk mengawal laman sesawang yang mempunyai ciri-ciri interaktif, seperti media sosial, mahupun portal berita yang mempunyai seksyen komen, dan forum maya (Mahyuddin, 2019). Seksyen 211 pula mengawal portal, laman sesawang atau blog yang menyediakan kandungan statik (Mahyuddin, 2019). Oleh itu, disebabkan banyak maklumat salah dan palsu tentang COVID-19 tersebar melalui medium sosial, maka hal ini memberi justifikasi terhadap majoriti pendakwa atas kesalahan tersebut menggunakan undang-undang yang disebutkan di atas (Hafidz Hakimi et al., 2020).

Walaupun Seksyen 211 dan Seksyen 233 mempunyai perbezaan dari segi skop subjek kawalan, namun kedua-dua peruntukan tersebut berkongsi ciri-ciri perundangan yang sama. Berdasarkan kedua-dua peruntukan ini, adalah menjadi satu kesalahan menyiarkan mana-mana kandungan maya yang bersifat “lucah, sumbang, palsu, mengancam, atau jelik sifatnya” (Hafidz Hakimi & Mahyuddin, 2021). Dalam hal ini, cabaran utama adalah untuk menentukan konteks ciri-ciri yang dinyatakan di atas oleh sebab ketiadaan tafsiran khusus yang disediakan dalam akta tersebut (Mahyuddin, 2019). Keputusan mahkamah tinggi dalam kes *Pendakwa raya v. Rutnin Suhaimin [2013] 2 CLJ 427* turut mengesahkan bahawa kekusaran mangsa berita ataupun maklumat palsu tidak perlu dibuktikan oleh sebab kecenderungan semata-mata sudah mencukupi untuk membuktikannya.

Bagi mencapai hasrat penyeliaan sendiri kandungan maya, sebuah badan yang dinamakan Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia (CMCF) telah ditubuhkan pada tahun 1998. Antara tugas utama CMCF adalah menggubal dan melaksanakan sebuah kod kandungan yang berperanan sebagai sebuah garis panduan yang menggariskan amalan terbaik dan piawai etika penyusunan dan penyediaan kandungan. Meskipun kod kandungan cuba untuk menerangkan apa yang dimaksudkan dengan “Kandungan Palsu”, namun maksudnya masih lagi kabur (Hafidz Hakimi & Mahyuddin, 2021). Hal ini kerana, menurut Perkara 7.1 Kod Kandungan, sesuatu kandungan ditafsirkan sebagai palsu sekiranya tiada tindakan atau langkah-langkah wajar diambil untuk menentukan kesahihannya sebelum kandungan tersebut disampaikan. Walaupun keabsahan Seksyen 233 pernah dicabar di mahkamah dalam kes *Syarul Ema Rena binti Abu*

Samah v Pendakwa Raya [2018] MLJ 1128, namun mahkamah mengambil keputusan bahawa peruntukan tersebut tidaklah terlampau luas ataupun kabur untuk ditafsirkan. Oleh itu mahkamah berpandangan bahawa peruntukan yang dinyatakan menepati objektif AKM dan berperlembagaan.

Seksyen 505(b) menetapkan bahawa perbuatan khianat awam dengan niat untuk menimbulkan kegusaran atau ketakutan kepada orang awam sebagai satu jenayah. Oleh itu, walaupun peruntukan ini digunakan secara meluas bagi tujuan untuk mengekang penyebaran berita atau maklumat palsu ketika pandemik COVID-19, namun peruntukan tersebut tidak menyatakan bahawa kenyataan yang disebarkan tersebut haruslah benar ataupun palsu. Oleh itu, modus operandi peruntukan ini bergantung pada niat pencipta ataupun penyebar maklumat tersebut, sama ada mempunyai niat untuk menimbulkan kegusaran dan ketakutan kepada orang awam yang mampu mengganggu ketenteraman awam; bukanlah bergantung pada kesahihan maklumat tersebut.

Walaupun begitu, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antarabangsa yang berpangkalan di United Kingdom, ARTICLE 19, menegaskan bahawa peruntukan ini mudah untuk disalah guna oleh pihak berkuasa kerana memberikan bidang kuasa yang sangat luas kepada pihak pendakwa (ARTICLE 19, 2020). Tafsiran terhadap niat pencipta atau penyebar maklumat yang dinyatakan di atas bergantung pada tafsiran penerima maklumat tersebut, bukanlah semata-mata kepada niat pencipta atau penyebar maklumat berkenaan sama ada kenyataan atau maklumat tersebut mampu mencetuskan kegusaran awam ataupun sebaliknya (Hafidz Hakimi & Mahyuddin, 2021). Kekhuatiran juga timbul sekiranya peruntukan ini digunakan bagi menangkis kritikan yang sah dan munasabah kepada pihak berkuasa ataupun digunakan bagi tujuan mengacau ganggu pengkritik tersebut dengan siasatan jenayah yang tidak perlu (Hafidz Hakimi, 2020). Oleh yang demikian, ARTICLE 19 berpandangan bahawa peruntukan tersebut haruslah digunakan sebagai jalan terakhir, iaitu hanya digunakan bagi mengekang penyebaran maklumat ataupun kenyataan yang mampu menimbulkan bahaya yang nyata (ARTICLE 19, 2020).

Menurut Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan darurat sekiranya baginda mendapati wujudnya keadaan darurat yang mampu mengancam keselamatan, ekonomi, dan ketenteraman awam Persekutuan. Berturutan dengan proklamasi darurat tersebut, undang-undang khas, yang dipanggil Ordinan Darurat boleh digubal oleh Yang di-Pertuan Agong, sekiranya kedua-dua dewan Parlimen tidak bersidang, seperti yang dinyatakan di bawah fasal (2B).

Selain itu, Ordinan Darurat yang digubal di bawah Perkara 150 (2B) boleh mengatasi mana-mana jaminan atau kuasa di bawah mana-mana undang-undang, termasuklah mana-mana yang berkaitan dengan perlindungan kebebasan asasi yang terkandung di bawah Bahagian II Perlembagaan Persekutuan.

Bagi tujuan mengekang penciptaan dan penyebaran maklumat dan berita palsu yang berkaitan dengan Proklamasi Darurat dan juga COVID-19, satu ordinan khas yang dipanggil Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No.2) 2021 telah diwartakan pada 12 Mac 2021. Sejak ordinan khas diwartakan sehingga pemansuhannya pada 7 Oktober 2021, sebanyak 30 kertas siasatan telah dibuka bagi tindakan penguatkuasaan terhadap individu yang didapati menyebarkan atau memuat naik berita palsu tentang Proklamasi Darurat atau COVID-19 (Bernama, 2021). Walau bagaimanapun, oleh sebab bidang kuasa ordinan ini hanya terpakai pada perkara-perkara yang disebutkan di atas, skop bidang kuasa ordinan ini adalah lebih kecil jika dibandingkan dengan Seksyen 233 dan 211 AKM dan Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan.

Ordinan ini mentafsirkan “berita palsu” sebagai mana-mana berita yang sama ada sebahagian atau keseluruhannya palsu. Oleh itu, secara amnya, berita ataupun maklumat boleh dianggap salah mahupun palsu sekiranya tidak mendapat pengesahan yang mencukupi. Oleh yang demikian, disebabkan kekaburan terhadap definisi “berita palsu” dalam ordinan ini, pengkritik terhadap ordinan ini melahirkan rasa kebimbangan terhadap penggunaannya sebagai alat untuk menyekat kebebasan bersuara ketika pandemik (ARTICLE 19, 2021). Tambahan pula, ordinan ini juga dikritik kerana menggunakan definisi “berita palsu” yang sama dengan Akta Anti Berita Tidak Benar 2018 yang telah dimansuhkan setelah hanya beberapa bulan diwartakan. Hal ini kerana akta ini telah digubal secara terburu-buru dengan objektif yang mencurigakan dan pemakaian yang mengelirukan (Fernandez, 2019).

Secara amnya, terdapat tiga jenis kesalahan yang dinyatakan dalam ordinan ini. Jenis kesalahan pertama adalah berkaitan dengan penerbitan dan penyebaran berita palsu. Dalam hal ini, Seksyen 4(1) ordinan ini turut berkongsi sifat *Actus Reus* yang sama seperti Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan, iaitu berita tersebut bukan sahaja perlu bersifat palsu, malah turut mampu menyebabkan ketakutan dan kebimbangan dalam kalangan masyarakat umum. Di samping itu, Seksyen 4(2) memberikan kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan seseorang yang telah didapati bersalah untuk membuat permohonan maaf terhadap mangsa berita palsu

tersebut. Setakat ini, hanya dua kes yang telah didakwa di mahkamah, iaitu satu daripadanya melibatkan seorang suri rumah yang telah didapati bersalah menyebarkan berita palsu bahawa sembilan pelajar di sebuah sekolah di Perlis didapati positif COVID-19 (Aizat, 2021). Kes kedua pula melibatkan seorang guru tuisyen berkaitan dengan sebuah hantaran laman sesawang Facebook yang mendakwa seorang anggota polis trafik telah meninggal dunia seurus selepas menerima suntikan kedua vaksin COVID-19 (Soo, 2021).

Seterusnya, Seksyen 5 Ordinan ini turut melarang sebarang bentuk bantuan atau sokongan kewangan bagi tujuan penerbitan dan penyebaran berita palsu. Selain itu, kegagalan untuk memadamkan sesebuah berita palsu sekiranya diarahkan oleh pegawai polis ataupun mana-mana individu yang diberikan kuasa dalam tempoh 24 jam juga merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 6(1) Ordinan tersebut. Walaupun begitu, mana-mana individu yang terjejas oleh sebab arahan terbabit boleh memohon kepada mahkamah untuk meneliti semula arahan tersebut seperti yang digariskan di bawah Seksyen 6(3) Ordinan ini. Akhirnya, Seksyen 22 Ordinan ini turut menjenayahkan apa-apa bentuk persubahatan terhadap kesalahan-kesalahan yang dinyatakan terdahulu.

Walaupun ordinan ini boleh dianggap sebagai satu kaedah yang tegas bagi membendung penularan dan penciptaan berita palsu, namun ordinan ini tidak boleh dianggap sebagai mekanisme yang berkesan bagi penyelesaian jangka panjang. Selain penguatkuasaannya mampu memberikan impak yang negatif terhadap kerangka perlindungan kebebasan bersuara, remedi dan kaedah penguatkuasaannya hanyalah bersifat sementara kerana perkara ini bergantung pada penguatkuasaan dan tempoh Proklamasi Darurat.

PENDEKATAN TERPILIH NEGARA-NEGARA LAIN UNTUK MEMERANGI BAHAYA INFODEMIK, MAKLUMAT SALAH DAN BERITA PALSU

Kaedah Perundangan

Selain Malaysia, terdapat beberapa negara turut mengambil pendekatan perundangan untuk mengawal infodemik, khususnya dalam usaha untuk menyekat penularan maklumat salah dan berita palsu. Antara negara yang terbabit termasuklah China dan Russia.

Di China, istilah “berita palsu” sinonim dengan istilah “khabar angin” (Rodrigues & Xu, 2020). Sejak tahun 2012, banyak kempen telah dilaksanakan di bawah pemerintahan Presiden Xi Jin Ping bagi menangani penyebaran berita palsu. Hal ini termasuklah dengan menubuhkan Jabatan Pentadbiran Ruang Siber China (*Cyberspace Administration of China*). Pada Jun 2017, China telah menguatkuasakan undang-undang keselamatan ruang siber pertamanya. Rodrigues dan Xu berpendapat bahawa disebabkan mekanisme antiberita palsu dan tapisan internet yang canggih, China sudah pun lebih bersedia dalam menghadapi cabaran infodemik dan berita palsu ketika pandemik COVID-19 (Rodrigues & Xu, 2020). Berita palsu di China diletakkan di bawah kesalahan “memalsukan maklumat salah berkenaan dengan (a) situasi bahaya, epidemik, bencana atau ancaman, dan menyebarkan maklumat tersebut melalui saluran maklumat atau apa-apa media walaupun mengetahui bahawa maklumat tersebut adalah palsu, oleh yang demikian boleh mengganggu gugat ketenteraman awam” (Mahyuddin et al., 2021). Ketika pandemik COVID-19, penyebar maklumat dan berita palsu ditahan di bawah Undang-undang keselamatan yang dipanggil *Security Administration Punishment Law* (Rodrigues & Xu, 2020). Kesimpulannya, menyebarkan khabar angin ataupun berita palsu merupakan satu kesalahan yang serius yang dilihat sebagai satu ancaman keselamatan terhadap negara di China.

Pada Mac 2019, Rusia telah meminda Undang-undang Persekutuan berkenaan dengan “Maklumat, teknologi maklumat dan perlindungan maklumat” dan juga telah meminda Kod Pentadbiran Russia bagi tujuan melawan penyebaran berita palsu yang bertujuan untuk melindungi keselamatan negara (Hartmann, 2020). Menurut undang-undang ini, berita palsu ditafsirkan sebagai “maklumat palsu yang signifikan pada peringkat sosial, disebarikan atas samaran maklumat yang benar; dan boleh membentuk ancaman kepada nyawa, kesihatan dan harta benda; membentuk kemungkinan untuk pencabulan ketenteraman dan keselamatan awam secara besar-besaran atau boleh menjejaskan operasi pengangkutan, infrastruktur sosial, institusi kredit, komunikasi, industri dan sektor tenaga” (Mahyuddin et al., 2021). Walaupun ada yang menyokong pindaan undang-undang berkaitan dengan berita palsu ini kerana mampu meningkatkan kebertanggungjawaban pengguna (Martynovv & Bundin, 2020)

Tindakan Administratif

Pada Jun 2019, Singapura telah meluluskan satu undang-undang baharu bagi menangani berita palsu yang dipanggil *Protection from Online Falsehoods and Manipulation Act 2019* (POFMA). Akta ini menyediakan beberapa tindakan administratif yang boleh diambil oleh eksekutif, khususnya Menteri yang berkaitan bagi menangani infodemik dan berita palsu. Seksyen 3 akta ini misalnya memberi kuasa kepada mana-mana Menteri untuk mengeluarkan arahan untuk melakukan pembetulan atau menggantung sesebuah berita palsu daripada diakses oleh masyarakat awam Singapura. Seterusnya, Menteri Komunikasi Singapura juga boleh mengarahkan Penguasa Pembangunan Infokom Singapura (*Infocomm Media Development Authority*) (IMDA) untuk menyekat akses internet di bawah Seksyen 16 akta ini. Kegagalan untuk mematuhi arahan ini merupakan satu kesalahan di bawah POFMA. Namun demikian, rayuan boleh dikemukakan kepada mahkamah tinggi di bawah Bahagian 3 Akta tersebut. Menurut Mahyuddin et al., pendekatan yang diguna pakai oleh Singapura boleh dianggap progresif kerana perkara tersebut memberikan kuasa kepada Menteri untuk mengarahkan pembetulan terhadap maklumat palsu dibuat, dan tidak terhad kepada arahan penarikan semula (Mahyuddin et al., 2021).

TEKNOLOGI MENGAWAL SELIA TEKNOLOGI


Realiti pada hari ini, fungsi manusia sedang giat digantikan dengan mesin dan jentera. Misalnya kereta pandu sendiri atau dikenali sebagai kenderaan pintar yang mampu mengesan keadaan persekitaran dan mampu memandu tanpa ataupun dengan input terhad manusia akan mula membanjiri jalan raya dalam jangka masa terdekat. Selain itu, teknologi kewangan atau dikenali sebagai *Fintech* sudah mula mengambil alih pendekatan urusan kewangan tradisional (Nor Azaruddin Husni, 2020). Kelajuan perkembangan teknologi yang sedang mengubah dunia turut memberi kesan kepada cara dan gaya manusia menguruskan ataupun berurusan dengan maklumat. Oleh itu, secara mudahnya, dengan berkembangnya teknologi maklumat, begitulah juga bertambahnya masalah infodemik.

Walaupun begitu, persoalan utama yang harus dijawab adalah bagaimana untuk menguruskan infodemik dalam era perkembangan teknologi yang semakin kompleks dan pergerakan maklumat menjadi semakin pantas. Oleh yang demikian, penulis berpendapat bahawa kaedah untuk bergantung pada proses perundangan tradisional adalah bersifat

ketinggalan zaman dan mungkin akan hilang kerelevanannya dalam beberapa tahun yang mendatang. Oleh itu, satu kaedah yang lebih mesra teknologi dan berpusatkan insan (*people-centered*) haruslah diusahakan bagi mengekang maklumat salah, maklumat palsu dan berita palsu; selain kaedah perundangan tradisional yang sedia ada.

Dalam hal ini, inisiatif Malaysia 5.0 mungkin boleh menjadi penawar kepada permasalahan sedia ada. “Malaysia 5.0” ialah pengadaptasian terhadap rancangan “Masyarakat 5.0” (*Society 5.0*) yang mula-mula diutarakan oleh pemikir dari Jepun. Matlamat utama Masyarakat 5.0 adalah untuk membina masyarakat yang berorientasikan insan (Rais, 2020). Fukuyama menyatakan bahawa, idea pembentukan Masyarakat 5.0 bersandarkan evolusi semula jadi masyarakat manusia (*human society*) seperti yang dinyatakan pada Rajah 1.

Gagasan Masyarakat 5.0 mula digerakkan ketika 5th Science, and Technology Basic Plan yang dianjurkan oleh Majlis Sains, Teknologi dan Inovasi (Althabhwani et al., 2022), dan telah mendapat persetujuan daripada Kabinet Kerajaan Jepun pada tahun 2016. Gagasan ini bermatlamatkan



Rajah 1 Evolusi masyarakat manusia.

Sumber: Disediakan oleh penulis berdasarkan carta yang diambil daripada “Society 5.0: Aiming for a New Human-Centered Society” ditulis oleh Mayumi Fukuyama, halaman 49. (Fukuyama, 2018) dan ‘Society 5.0 A People-centric Super-smart Society’ oleh Hitachi-U Tokyo Laboratory, halaman xii. (Deguchi et al., 2020)

“membentuk sebuah masyarakat berorientasikan insan (*human-centric*) yang lestari bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti kehidupan dengan menggunakan sistem siber-fizikal” (Shiroishi et al., 2019). Gagasan ini muncul sebagai inisiatif masyarakat Jepun untuk menyelesaikan permasalahan masyarakatnya seperti pengurangan kadar kelahiran dan peningkatan populasi warga emas, yang membawa kepada pengecilan sumber manusia dan peningkatan kos sekuriti sosial (Fukuyama, 2018). Menurut Nor Azaruddin Husni, Masyarakat 5.0 ialah “masyarakat berorientasikan insan yang menyeimbangkan kemajuan ekonomi dengan penyelesaian terhadap masalah sosial dengan menggunakan sistem yang mengintegrasikan alam siber dan alam fizikal” (Nor Azaruddin Husni, 2020). Beginilah cara masyarakat Jepun membentuk sebuah masyarakat yang mampu menyelesaikan pelbagai cabaran kemasyarakatan dengan menggabungkan inovasi Industri Revolusi Keempat, seperti Internet Benda (*Internet of Things – IoT*) dan Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence – A.I.*), kepada industri dan kehidupan sosial (Nor Azaruddin Husni, 2020).

Struktur kompleks Masyarakat 5.0 dihuraikan secara ringkas oleh Deguchi dengan menganalogikan fungsi penghawa dingin yang beroperasi di ruang fizikal dan siber, sesebuah mikrokomputer di dalam penghawa dingin akan menganalisis pemboleh ubah suhu bilik dan kemudiannya menganalisis sama ada untuk meneruskan atau menghentikan penghawa dingin tersebut (Deguchi et al., 2020). Dalam perspektif ini, Deguchi menerangkan bahawa dalam Masyarakat 5.0, alam siber digunakan untuk menganalisis data permasalahan dunia nyata dan kemudiannya menyediakan penyelesaian kepada permasalahan tersebut (Deguchi et al., 2020). Melalui analogi yang diberikan oleh Deguchi, dapat disimpulkan bahawa Masyarakat 5.0 berfungsi melalui pengaliran data dan maklumat antara alam siber ke alam fizikal, dan kemudiannya kembali daripada alam siber ke alam fizikal dengan penyelesaian dan maklumat yang bermakna.

Gladden, walau bagaimanapun berpendapat bahawa matlamat Masyarakat 5.0 merupakan satu cita-cita yang amat besar (Gladden, 2019). Hal ini kerana Masyarakat 5.0 mempunyai matlamat untuk membina sebuah masyarakat yang mempunyai peluang yang saksama (Bryndin, 2018) dengan menggunakan teknologi, serta menyediakan keselamatan, keselesaan, dan kehidupan yang sihat untuk setiap individu. Interaksi antara manusia dengan teknologi dapat digunakan untuk mencipta dunia yang lestari, bertenaga dan boleh didiami dalam dunia yang berorientasikan insan (Keidanren, 2016; Medina-Borja, 2016). Seterusnya, Masyarakat 5.0 juga dijangka dapat menyelesaikan permasalahan sosial seperti kesusutan

populasi, masyarakat yang meningkat tua mahupun bencana alam, yang kemudiannya boleh menjana faedah sosial (Keidanren, 2016).

Kemunculan Masyarakat 5.0 menuntut pendekatan baharu dalam pembentukan paradigma kawal-selia (*regulatory paradigm*). Hal ini ditegaskan oleh Althabhwawi yang menyatakan bahawa asas prinsip perundangan harus dikaji semula untuk disesuaikan dengan realiti era baharu Masyarakat 5.0 (Althabhwawi et al., 2022). Oleh itu, Masyarakat 5.0 juga membuka dilema baharu dalam usaha mengawal selia lambakan maklumat atau disebut sebagai infodemik; sebuah legasi Masyarakat 4.0 yang dikuasakan oleh kemajuan teknologi komunikasi dan informasi (ICT). Seperti yang dinyatakan pada perenggan sebelumnya, walaupun wujud keberadaan undang-undang bagi mengawal selia infodemik, namun tidak akan memadai pada masa hadapan oleh sebab kemajuan teknologi yang semakin pantas. Kelajuan perkembangan teknologi yang luar biasa telah membuatkan pendekatan tradisional dalam tadbir urus aspek teknologi dalam masyarakat beransur-ansur menjadi lapuk seiring dengan peredaran masa. Oleh hal yang demikian, penulis berpendapat bahawa hanya teknologi, ataupun teknologi yang dipantau manusia boleh mengawal selia teknologi pada masa hadapan. Malah, cetusan idea dan konsep untuk menggunakan Kecerdasan Buatan untuk mengawal maklumat salah, maklumat palsu dan berita palsu bukanlah satu konsep yang asing. Perkara ini pernah dinyatakan oleh pengasas platform media sosial Facebook, Mark Zuckerberg, ketika beliau memberikan penerangan di hadapan Kongres Amerika Syarikat (Harwell, 2018). Dalam penerangan tersebut, Zuckerberg menyatakan bahawa kecerdasan buatan akan menjadi kaedah boleh skala untuk mengesan dan memusnahkan kandungan yang merosakkan seperti maklumat salah dan maklumat palsu (Harwell, 2018). Walaupun begitu, Zuckerberg mengakui bahawa kecerdasan buatan sedia ada Facebook masih belum bersedia untuk melakukan fungsi tersebut secara efektif. Persoalan sama ada bagaimana dan bila teknologi berkenaan akan tersedia masih belum boleh dikenal pasti dengan jelas (Harwell, 2018). Walaupun hal ini mungkin satu prospek yang jauh pada hari ini, namun kemampuan kecerdasan buatan untuk membezakan kepalsuan dan kebenaran pada masa hadapan bukanlah sesuatu yang mustahil. Menurut Anjana, kejayaan sistem e-mel untuk membezakan emel spam boleh dijadikan teladan bagi mengawal maklumat salah, maklumat palsu dan berita palsu. Dengan menggunakan analisis tekstual, kecerdasan buatan boleh mengesan maklumat salah dan maklumat palsu melalui kaedah perbandingan dengan kandungan yang telah dikongsi dan disebarkan

dalam talian (Anjana, 2018). Melalui faktor perkembangan Masyarakat 5.0, ekosistem penyemakan fakta boleh ditambah baik kerana perkara tersebut menggabungkan data yang belum diproses yang diperolehi daripada dunia fizikal. Seterusnya, kecerdasan buatan akan membina senario yang sama yang disimulasikan di alam siber. Dapatan daripada senario tersebut diterjemahkan ke dunia nyata yang mampu mengurangkan kesan buruk infodemic, termasuklah maklumat salah ataupun maklumat palsu.

Grimmelmann pula mengambil sikap skeptikal terhadap cadangan ini kerana menurut beliau, kecerdasan buatan tidak mempunyai upaya untuk memahami konteks sosial ataupun nuansa sesebuah pertuturan atau pernyataan (Harwell, 2018). Kenyataan ini turut disokong oleh Cotter, kecerdasan buatan mungkin akan menghadapi masalah untuk menentukan kesahihan sesebuah maklumat oleh sebab sifatnya yang objektif (Cotter et al., 2022). Oleh itu, kecerdasan buatan mungkin akan mengalami kesukaran untuk membuat sesebuah keputusan tentang kesahihan sesebuah fakta yang separa benar, atau yang melibatkan prinsip moral, dan juga yang tidak disepakati (Stewart, 2021). Oleh itu, Shiroshi memberikan amaran bahawa penglibatan manusia masih diperlukan untuk membuat apa-apa polisi dalam Masyarakat 5.0 kerana manusia masih diperlukan untuk menjadi pemutus sesebuah keputusan. Hal ini kerana Shiroshi berpendapat bahawa keputusan yang dibuat oleh kecerdasan buatan masih terdedah pada kesilapan mahupun kesalahan disebabkan keterlibatan faktor subjektif dan kualitatif serta faktor objektif dan kuantitatif dalam perencanaan penentuan masalah sebenar (Shiroishi et al., 2019). Kenyataan ini turut disokong oleh beberapa sarjana lain yang menyatakan keputusan manusia masih lagi faktor utama dalam penentuan kesahihan sesebuah maklumat. Pengawasan manusia masih lagi memainkan peranan utama bagi tujuan itu (Cotter et al., 2022; Tate et al., 2021), sekurang-kurangnya buat masa ini.

KESIMPULAN

Walaupun kecerdasan buatan mampu menjadi penyelesaian utama dalam masalah infodemic, namun pada ketika ini kemampuannya masih terhad dan masih lagi memerlukan pengawasan manusia yang meluas. Oleh yang demikian, kewujudan teknologi kecerdasan buatan yang mampu menyelesaikan permasalahan infodemic secara menyeluruh adalah bergantung pada pelbagai pemboleh ubah, termasuklah transformasi teknologi (Gladden, 2019). Berturutan dengan itu, pendekatan

kontemporari dalam usaha menguruskan infodemik masih lagi diperlukan, sekurang-kurangnya sehinggalah teknologi Kecerdasan Buatan mampu mencapai tahap pengawasan yang diharapkan dengan dukungan Malaysia 5.0. Kebergantungan terhadap kaedah perundangan tradisional haruslah dikurangkan, oleh sebab ketidakmampuannya untuk mengejar perkembangan teknologi komunikasi dan multimedia yang pantas. Oleh yang demikian, satu penyelesaian jangka sederhana haruslah digiatkan bagi menggantikan struktur pengawalan dan pengawasan semasa yang kian ditelan zaman.

Kunci utama terhadap penyelesaian jangka sederhana ini pertamanya melalui penggubalan sebuah akta khusus yang menguatkuasakan undang-undang antiberita palsu dan maklumat salah. Undang-undang sedemikian, perlulah mempunyai keupayaan untuk meletakkan liabiliti kepada penyedia platform, termasuklah platform media sosial bagi tujuan untuk memantau, membuat pembetulan, ataupun memadam sesebuah berita palsu atau maklumat salah (Mahyuddin et al., 2021), seperti pendekatan yang diambil di Singapura. Keduanya, kemudahan teknologi Kecerdasan buatan sedia ada haruslah digunakan sebaik-baiknya untuk mengekang penularan dan penciptaan berita palsu dan maklumat salah, walaupun buat masa ini kemudahan ini masih memerlukan intervensi manusia (Mahyuddin et al., 2021). Akhirnya, pendekatan sosial yang disenandungkan dengan teknologi semasa haruslah dipergiatkan. Perkara ini termasuklah melalui mekanisme penyemakan fakta sedia ada seperti laman Sebenarnya.my. Walaupun laman ini mempunyai potensi yang baik untuk menjadi mekanisme penyemakan fakta utama, namun sebuah kajian yang dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mendapati hanya 20.4% pengguna internet menyedari kewujudan laman tersebut dan dalam angka ini hanya 40.6% melawat laman tersebut pada tahun 2020 (Malaysian Communications and Multimedia Commission, 2020). Dapatan ini menunjukkan bahawa masih banyak usaha dan kempen yang perlu dilakukan bagi membina kesedaran masyarakat tentang kepentingan untuk menyemak kesahihan fakta yang diterima. Selain itu, portal-portal semakan fakta haruslah tersedia dan diterjemahkan dalam bahasa utama di negara ini bagi memudahkan carian pengguna.

Di samping itu, mekanisme penyemakan fakta haruslah dikawal selia secara bersama, melibatkan sinergi antara penggubal dasar dan undang-undang, serta pemegang taruh yang lain. Hal ini adalah penting bagi mengelakkan manipulasi maklumat oleh pihak tertentu yang boleh

mengakibatkan totalitarian siber (*cybertotalitarianism*). Pada masa yang sama, badan-badan bebas yang memantau etika siber termasuklah badan pemantau etika kewartawanan haruslah diwujudkan sesegera mungkin. Badan yang bersifat kawalan sendiri, seperti Majlis Media boleh meningkatkan lagi mutu dan etika media, sekali gus dapat mengurangkan kejadian salah lapor yang mampu menyebabkan penyebaran berita palsu (Tuneva, 2020). Pada waktu yang sama, badan ini juga mampu menyekat campur tangan politik yang berlebihan terhadap kebebasan media dalam menyediakan laporan yang tepat dan seimbang (Harris, 2020). Penubuhan Majlis Media bukan sahaja mampu menjadi mekanisme mitigasi terhadap infodemic, malah turut berupaya menjadikan industri media menjadi lebih bingkak terhadap campur tangan dan komplot politik (Hafidz Hakimi et al., 2020).

PENGHARGAAN

Penulis ingin memberikan penghargaan kepada rakan-rakan akademia dari Fakulti Undang-undang, Universiti Multimedia, dan juga di Pusat Pengajian Undang-undang, Kolej Undang-undang, Kerajaan, dan Pengajian Antarabangsa (UUM COLGIS), Universiti Utara Malaysia diatas segala dukungan dan nasihat dalam merealisasikan penghasilan makalah ini. Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

RUJUKAN

- Ahmed, S. T. (2020). Managing news overload (MNO): The COVID-19 infodemic. *Information (Switzerland)*, 11(8). <https://doi.org/10.3390/INFO11080375>
- Aizat Shariff. (2021). *Housewife fined RM5,000 for spreading fake news*. New Straits Times. <https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2021/06/695249/housewife-fined-rm5000-spreading-fake-news>
- Akta Anti Berita Tidak Benar 2018
- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM).
- Althabhwani, N. M., Zainol, Z. A., & Bagheri, P. (2022). Society 5.0: A new challenge to legal norms. *Sriwijaya Law Review*, 6(1), 41. <https://doi.org/10.28946/slrev.vol6.iss1.1415.pp41-54>
- Anjana, S. (2018). How artificial intelligence can detect – and create – fake news. *MSU Today*. <https://msutoday.msu.edu/news/2018/how-artificial-intelligence-can-detect-and-create-fake-news>

- ARTICLE 19. (2020). Malaysia: Stop using repressive laws to counter misinformation about coronavirus. *Article 19*. <https://www.article19.org/resources/malaysia-stop-using-repressive-laws-to-counter-misinformation-about-coronavirus/>
- ARTICLE 19. (2021). *Malaysia: Emergency (Essential Powers) (No.2) Ordinance 2021 (Fake News Ordinance)*. <https://www.article19.org/resources/malaysia-fake-news-ordinance-severe-ramifications-freedom-expression/>
- Bentzen, N., Boucher, P. N., Laïci, T., Madiega, T.A., Schmetzing, L. & Szczepanski, M. (2020, September). *Disruption by technology: Impacts on politics, economics and society*. <https://doi.org/10.2861/718464>
- Bernama. (2021). *Kerajaan cadang usul ungkai ordinan-ordinan darurat [METROTV]*. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/770160/kerajaan-cadang-usul-ungkai-ordinan-ordinan-darurat-metrotv>
- Bryndin, E. (2018). System synergetic formation of society 5.0 for development of vital spaces on basis of ecological economic and social programs. *Annals of Ecology and Environmental Science*, 2(4), 12–19.
- Cotter, K., DeCook, J. R., & Kanthawala, S. (2022). Fact-checking the crisis: COVID-19, infodemics, and the platformization of truth. *Social Media and Society*, 8(1). <https://doi.org/10.1177/20563051211069048>
- Deguchi, A., Hirai, C., Matsuoka, H., Nakano, T., Oshima, K., Tai, M., & Tani, S. (2020). Society 5.0 a people-centric super-smart society. In Hitachi-U Tokyo Laboratory (Ed.), *Society 5.0 : A People-centric Super-Smart Society* (p. 189). Springer Nature Singapore. <https://link.springer.com/content/pdf/10.1007%2F978-981-15-2989-4.pdf>
- Fernandez, J. (2019). Malaysia's Anti-Fake News Act: A cog in an arsenal of anti-free speech laws and a bold promise of reforms. *Pacific Journalism Review*, 25(1 & 2), 173–192.
- Fukuyama, M. (2018). Society 5.0: Aiming for a New Human-centered Society. *Japan SPOTLIGHT*, 27(August), 47–50. <http://www8.cao.go.jp/cstp/%0Ahttp://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=bth&AN=108487927&site=ehost-live>
- Gladden, M. E. (2019). Who will be the members of Society 5.0? Towards an anthropology of technologically posthumanized future societies. *Social Sciences*, 8(5). <https://doi.org/10.3390/socsci8050148>
- Hafidz Hakimi Haron. (2020). *The Malaysian Press Council: Towards striking a balance between public interest and freedom of press*. International Islamic University Malaysia.
- Hafidz Hakimi Haron, & Mahyuddin Daud. (2021). Pandemik COVID-19 di Malaysia: Mengurus infodemic melalui Majlis Akhbar. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 33(2), 239–268. [https://doi.org/10.37052/kanun.33\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/kanun.33(2)no3)

- Hafidz Hakimi Haron, Farid Sufian Shuaib, & Nadiah Arsat. (2020). Some like it hoax: Lessons in regulating fake news in Malaysia. *International Conference on Communication and Media*.
- Hartmann, I. A. (2020). A new framework for online content moderation. *Computer Law and Security Review*, 36(105376). <https://doi.org/10.1016/j.clsr.2019.105376>
- Harris Zainul. (2020). *Media freedom and fake news during the time of Covid-19*. Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia. <https://www.isis.org.my/2020/04/15/media-freedom-and-fake-news-during-the-time-of-covid-19/>
- Harris Zainul & Farlina Said. (2020). The COVID-19 infodemic in Malaysia: Scale, scope and policy responses. *ISIS Malaysia* (Issue August). https://www.isis.org.my/wp-content/uploads/2020/08/FAKE-NEWS_REV.pdf
- Harwell, D. (2018). *AI will solve Facebook's most vexing problems, Mark Zuckerberg says. Just don't ask when or how.* - *The Washington Post*. The Washington Post. [https://www.washingtonpost.com/news/the-switch/wp/2018/04/11/ai-will-solve-facebooks-most-vexing-problems-mark-zuckerberg-says-just-dont-ask-when-or-how/?noredirect=on&utm_campaign=9441c8cdfd-ThursNL_04_12_2018&utm_medium=email&utm_source=CB Insights](https://www.washingtonpost.com/news/the-switch/wp/2018/04/11/ai-will-solve-facebooks-most-vexing-problems-mark-zuckerberg-says-just-dont-ask-when-or-how/?noredirect=on&utm_campaign=9441c8cdfd-ThursNL_04_12_2018&utm_medium=email&utm_source=CB%20Insights)
- Rais Hussin. (2020). *REINVENT MALAYSIA 5.0*. MDEC.My. <https://doi.org/10.1177/2633559x20976063>
- Soo, W. J. (2021). Teacher becomes first to be charged under ‘fake news Emergency Ordinance’. *The Malay Mail*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/06/02/teacher-becomes-first-to-be-charged-under-fake-news-emergency-ordinance/1978958>
- Keidanren. (2016). Toward realization of the new economy and society. *Policy & Action, 2016*, 1–25. http://www.keidanren.or.jp/en/policy/2016/029_outline.pdf
- Lukman Arif Abdul Karim. (2021). 287 Kertas siasatan kes berita palsu dibuka. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/795473/287-kertas-siasatan-kes-berita-palsu-dibuka>
- Mahyuddin Daud. (2019). *Internet content regulation: Contemporary legal and regulatory issues in the changing digital landscape*. IIUM Press.
- Mahyuddin Daud & Ida Madieha, Abdul Ghani Azmi. (2021). Digital disinformation and the need for internet co-regulation in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 29, 169–183. <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.S2.12> E-mail
- Mahyuddin Daud & Sonny Zuhuda. (2020). Regulating the spread of false content online in Malaysia: Issues, challenges and the way forward. *International Journal of Business and Society*, 21(S1), 32–48.

- Malaysian Communications and Multimedia Commission. (2020). Internet Users Survey 2020. *The Internet Users Survey*. <https://doi.org/ISSN 1823-2523>
- Martynovv, A., & Bundin, M. (2020). Policy & regulation against fake news: Case of Russia. *The 21st Annual International Conference on Digital Government Research*, 346–347. <https://doi.org/https://doi.org/10.1145/3396956.3397866>
- Medina-Borja, A. (2016). Smart Human-Centered Service Systems of the Future. *Future Services & Societal Systems in Society 5.0*, 235–239.
- Nor Azaruddin Husni Hj. Nuruddin. (2020). *Society 5.0?* IKIM. <http://www.ikim.gov.my/index.php/2020/02/10/society-5-0/>
- Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No 2)
- Rodrigues, U. M., & Xu, J. (2020). Regulation of COVID-19 fake news infodemic in China and India. *Media International Australia*, 177(1), 125–131. <https://doi.org/10.1177/1329878X20948202>
- Shiroishi, Y., Uchiyama, K., & Suzuki, N. (2019). Better Actions for Society 5.0: Using AI for Evidence-Based Policy Making That Keeps Humans in the Loop. *Computer*, 52(11), 73–78. <https://doi.org/10.1109/MC.2019.2934592>
- Stewart, E. (2021). Detecting Fake News: Two Problems for Content Moderation. *Philosophy and Technology*, 34(4), 923–940. <https://doi.org/10.1007/s13347-021-00442-x>
- Tate, T., Hattingh, M., & Marivate, V. (2021). Using Natural Language Processing to Detect Fake News. In A. Gerber & K. Hinkelmann (Eds.), *Society 5.0 2021* (Vol. 2, Issue June, p. 394). https://www.researchgate.net/profile/Prof-Dr-Sazali-Abdul-Wahab/publication/353066531_Society50_PreProceedings_of_the_First_International_Conference_on_Society_50/links/60e66ce3b8c0d5588cde8519/Society50-PreProceedings-of-the-First-International-Conferenc
- Tuneva, M. (2020). *The Critical Role of Press and Media Councils in Time of Covid-19*. https://en.unesco.org/sites/default/files/critical_role_press_media_councils_covid19.pdf